

TMC Life tumpu inovasi kesihatan

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Januari 13, 2022 @ 7:22pm

zahrin@bh.com.my



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TMC Life, Nadiah Wan

KUALA LUMPUR: TMC Life Sciences Bhd akan menumpukan kepada inovasi teknologi berkaitan kesihatan bagi menangani permasalahan serta permintaan baharu yang muncul ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TMC Life, Nadiah Wan, berkata kumpulan komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada orang ramai melalui bantuan teknologi.

Beliau berkata, bagi tujuan itu, TMC Life juga memperkenalkan cabang perniagaan baharu yang memberi fokus kepada menilai inovasi teknologi kesihatan.

Katanya, sektor kesihatan terdedah dengan risiko dan masih melaksanakan konsep perkhidmatan yang konservatif ketika ini.

"Sektor kesihatan adalah sama seperti sektor institusi kewangan. Keduanya adalah berisiko dan konservatif. Namun, sektor institusi kewangan telah pantas beralih ke arah teknologi.

"Kekurangan bakat dalam sektor penjagaan kesihatan turut menyebabkan teknologi menjadi semakin penting.

"Jadi pastinya teknologi penjagaan kesihatan adalah sesuatu yang ingin kami teroka dengan serius ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika program MIDF Conversation bersama Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), Datuk Charon Mokhzani, hari ini.

Nadia berkata, teknologi akan membantu memperkasakan lagi kecekapan perkhidmatan dan memberikan pengalaman yang lebih baik kepada orang ramai.

Beliau berkata, sistem sedia ada mempunyai banyak ruang untuk dipertingkatkan ke arah yang lebih efiksyen dan mesra pengguna.

"Kehendak orang ramai ketika ini berbeza, mereka mahukan perkhidmatan kesihatan yang pantas dan tidak membebankan.

"Justeru itu, penggunaan teknologi perlu dipertingkatkan dalam sektor kesihatan. Kita perlu membina ekosistem kesihatan yang komprehensif," katanya.